




MANGSA banjir besar 1971 di sebuah perkampungan setinggian di Kuala Lumpur memerhatikan keadaan sekeliling dari atas bumbung sebuah rumah.

Pindah anak guna periuk

“BAYANGKAN rumah saya yang tinggi pun turut ditenggelami air sehingga paras bumbung, apatah lagi rumah lain di Kampung Chendana. Malah, rumah saya itu juga turut dihanyutkan hingga ke rumah jiran sebelah.

“Menjadi kebiasaan apabila berlaku banjir di Kampung Baru, Kampung Chendana yang akan banjir dahulu sebab terletak di kawasan rendah selain permukaan buminya berlekuk seperti kawah.”

Demikian cerita **Rohany Mohd. Darus**, 72, apabila diminta mengimbas semula kejadian mencemaskan akibat banjir besar pada 1971.

Semasa kejadian itu berlaku, kata Rohany, dia sedang mengandungkan anak keenam.

Walaupun kandungannya baru berusia lima bulan, secara fizikalnya seperti hendak bersalin.

Mengenang semula kejadian tersebut, Rohany berkata, air naik secara perlahan-lahan.

“Apabila paras air semakin tinggi arwah suami saya mengambil keputusan untuk memindahkan empat anak kami ke rumah mertua di Jalan Khatib, Kampung Baru.

“Anak sulung berumur 11 tahun manakala yang kecil baru dua tahun. Dalam keadaan kelam-kabut itu, kami hanya sempat mencapai dokumen-dokumen penting dan beberapa barang berharga serta pakaian untuk anak-anak sahaja.

“Kerana tidak mempunyai perahu, suami saya menggunakan periuk besar yang digunakan untuk memasak lauk-pauk kenduri kahwin sebagai ganti bagi memudahkan anak-anak yang masih kecil itu dipindahkan ke rumah ibu mertua saya yang tinggal tidak jauh dari rumah kami,” ujarnya.

Menurut Rohany, dia tidak turut serta dan hanya berpindah lewat malam itu setelah diarahkan askar.

Selepas banjir surut, masalah

lain pula dihadapi Rohany.

“Kalau ikutkan saya tidak mahu balik kerana tidak sanggup melihat keadaan rumah. Kedudukan rumah saya dibetulkan semula dengan bantuan kakitangan Majlis Bandaraya Kuala Lumpur.

Beliau menambah, hampir semua barang di rumahnya seperti televisyen dan perabot rosak, manakala struktur rumah perlu dibaiki.

Lebih memeningkan kepalanya adalah proses untuk membersihkan rumah berikutan kesukaran mendapatkan air bersih.

“Selepas sebulan daripada kejadian itu, barulah saya kembali memasak di rumah kerana tidak tahan dengan bau masam dan busuk yang masih melekat akibat banjir tersebut.

“Disebabkan kami sekeluarga susah pada masa itu, terpaksa saya membasuh satu-persatu pakaian-pakaian kami untuk digunakan semula.

“Jika diingat kembali, penduduk kampung juga pada ketika itu sibuk membeli tali untuk membuat ampaian tambahan di hadapan rumah.

“Walaupun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran kesan daripada kejadian banjir itu tetapi saya masih bersyukur kerana tiada nyawa yang terkorban dan begitu juga dengan kandungan saya yang berada dalam keadaan baik-baik sahaja,” katanya sambil tersenyum mengakhiri pertemuan pada petang tersebut.



ROHANY MOHD. DARUS